

**PEPERANGAN DALAM MAHABHARATA DAN  
*HIKAYAT HANG TUAH*: SATU KAJIAN  
STRATEGI PERTAHANAN LUARAN DAN  
DALAMAN**

**PUGANESWARI A/P BALAKRISHNAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2023**

**PEPERANGAN DALAM MAHABHARATA DAN  
*HIKAYAT HANG TUAH*: SATU KAJIAN  
STRATEGI PERTAHANAN LUARAN DAN  
DALAMAN**

oleh

**PUGANESWARI A/P BALAKRISHNAN**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2023**

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada Tuhan kerana memberikan saya kesihatan yang baik, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia Utama saya Dr Mohamad Luthfi Bin Abdul Rahman dan juga Penyelia Bersama saya iaitu Dr Saravanan P.Veeramuthu atas segala ilmu, bimbingan, teguran dan nasihat yang berguna sepanjang kajian ini dijalankan. Saya turut mengucapkan terima kasih kerana telah memilih memberi peluang saya untuk bekerja di bawah Geran Penyelidikan Pembentukan Sistem Pertahanan Melayu Nusantara Berdasarkan Karya-Karya Tradisional (FRGS/1/2018/SSI02/USM/02/2) selaku pegawai penyelidik dari tahun 2019 hingga 2022. Namun, saya juga tidak melupakan jasa baik dan kenangan bersama penyelia awal saya iaitu Allahyarhamah Prof. Madya Dr Rahimah A. Hamid yang sempat membimbing saya sehingga akhir 2018 sebelum beliau meninggal dunia.

Jutaan terima kasih dan penghargaan juga diberikan buat semua pensyarah di Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Terima kasih kepada Prof Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, Prof. Dr. Jelani Harun, Dr. Halimah Mohamed Ali, Dr. Wan Hasmah Wan Teh dan Dr. Rosnidar Ain, Dr. Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin, Dr. Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, dan bekas pensyarah Prof Dato' Dr. Sohaimi Abdul Aziz dan Prof. Madya Dr. Siti Hajar Che Man yang tidak jemu memberikan kata-kata semangat, bimbingan dan bantuan kepada saya.

Tidak dilupakan jasa insan-insan istimewa dalam hidup saya iaitu ibu saya, Puan Vijayakumari A/P Subrayan dan bapa saya, En Balakrishnan A/L Kupusamy

serta buat adik, Nirosh A/L Balakrishnan dan Marry. Terima kasih kerana sentiasa percaya akan kemampuan saya dan titipan doa yang tidak pernah putus. Penghargaan juga kepada jasa sahabat-sahabat saya yang pernah membantu penyelidikan ini melalui sumbangan idea dan pendapat iaitu saudara Nazreen, saudari Wan Roshazli serta Syahidatul Munirah. Terima kasih sekali lagi kepada semua.

**Puganeswari A/P Balakrishnan**  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.  
23 Mac 2023

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b> .....	<b>xi</b>
<b>SENARAI PETA</b> .....	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xiii</b>
<b>GLOSARI..</b> .....	<b>xiv</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xv</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xvii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Permasalahan Kajian .....	5
1.3 Objektif Kajian .....	8
1.4 Kepentingan Kajian.....	9
1.5 Skop dan Batasan Kajian.....	10
1.5.1 Pemilihan Teks .....	10
1.5.2 Aspek Kajian .....	18
1.5.3 Pemilihan Teori .....	20
1.6 Tinjauan Kajian Lepas .....	20
1.7 Metodologi Kajian.....	33
1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data .....	34
1.7.1(a) Kaedah Kajian Kepustakaan.....	34
1.7.1(b) Kaedah Kajian Lapangan.....	34
1.7.1(c) Kaedah Pencarian Laman Sesawang .....	35

1.7.2	Kaedah Menganalisis Data .....	35
1.7.2(a)	Analisis Tekstual .....	35
1.8	Kerangka Teori.....	36
1.8.1	Teori Seni Perang .....	36
1.8.1(a)	Strategi Peperangan .....	37
1.8.1(b)	Pertahanan Luaran .....	38
1.8.1(b)	Pertahanan Dalaman .....	39
1.8.2	Teori <i>Arthashastra</i> .....	39
1.8.2(a)	Peperangan.....	40
1.8.2(b)	Pertahanan Luaran .....	41
1.8.2(c)	Pertahanan Dalaman .....	44
1.9	Pendekatan Tematik .....	45
1.10	Organisasi Tesis .....	47
<b>BAB 2 TEORI PERANG OLEH SUN TZU DAN KAUTILYA.....</b>		<b>49</b>
2.1	Pendahuluan .....	49
2.2	Sejarah Buku Seni Perang .....	49
2.2.1	Pengarang Seni Perang .....	50
2.3	Teori Peperangan Dan Pertahanan Dalam Seni Perang .....	51
2.3.1	Peperangan.....	51
2.3.2	Strategi Pertahanan Luaran.....	52
2.3.2(a)	Strategi penyerangan .....	52
2.3.2(b)	Pengaturan Posisi yang Strategi .....	54
2.3.2(c)	Pemilihan Medan Perang.....	55
2.3.2(d)	Taktik Muslihat Semasa Perang .....	56
2.3.2(e)	Pengintipan .....	57
2.3.3	Sistem Pertahanan Dalaman .....	58
2.3.3(a)	Kekuatan Dan Kelemahan .....	58

2.3.3(b)	Menghindari Konflik Terbuka.....	59
2.4	Sejarah <i>Arthashastra</i> .....	60
2.4.1	Pengarang <i>Arthashastra</i> .....	60
2.5	Teori Peperangan Dan Pertahanan Dalam <i>Arthashastra</i> .....	62
2.5.1	Peperangan.....	62
2.5.2	Sistem Pertahanan Luaran .....	65
2.5.2(a)	Jenis Tentera .....	65
2.5.2(b)	Medium Peperangan .....	66
2.5.2(c)	Pemilihan Medan Perang.....	68
2.5.2(d)	Formasi Serangan dan Pertahanan.....	70
2.5.2(e)	Komplot .....	71
2.5.2(f)	Ejen Rahsia .....	72
2.5.2(g)	Persenjataan .....	74
2.6	Sistem Pertahanan Dalaman .....	77
2.6.1	Integriti .....	78
2.6.2	Psikologi Perang .....	81
2.6.3	Kepercayaan terhadap Elemen Luar Biasa.....	81
2.7	Kesimpulan.....	82
<b>BAB 3 LATAR BELAKANG INDIA KLASIK DAN MELAKA</b>		
<b>TRADISIONAL .....</b>		<b>84</b>
3.1	Pendahuluan .....	84
3.2	Pengenalan Karya <i>Mahabharata</i> .....	84
3.2.1	Ringkasan Karya <i>Mahabharata</i> .....	87
3.2.2	Kewujudan Tamadun India Klasik.....	98
3.2.2(a)	Sungai Sarasvati Sebagai Penanda Zaman dan Saksi Peperangan .....	100
3.2.3	Institusi Pemerintahan India Klasik.....	104
3.2.4	Penaklukan oleh Kuasa Asing .....	109

3.3	Pengenalan Karya <i>Hikayat Hang Tuah</i> .....	113
3.3.1	Ringkasan Karya <i>Hikayat Hang Tuah</i> .....	116
3.3.2	Sejarah Pembukaan Negeri Melaka.....	121
3.3.2(a)	Sungai Melaka Sebagai Pertahanan Dan Saksi Peperangan .....	125
3.3.3	Institusi Kesultanan Melayu Melaka .....	129
3.3.4	Kejatuhan Kerajaan Melaka .....	132
3.4	Kesimpulan.....	135
<b>BAB 4 STRATEGI PERTAHANAN LUARAN DALAM MAHABHARATA DAN HIKAYAT HANG TUAH .....</b>		<b>136</b>
4.1	Pendahuluan .....	136
4.2	Peperangan dalam <i>Mahabharata</i> dan <i>Hikayat Hang Tuah</i> .....	136
4.3	Ilmu dalam Pemilihan Medan Perang .....	171
4.4	Organisasi Ketenteraan .....	175
4.5	Strategi dan Formasi dalam Peperangan dan Pertahanan.....	186
4.6	Fungsi Ejen Rahsia dalam Zaman Tradisional.....	226
4.7	Persenjataan.....	236
4.8	Kesimpulan.....	242
<b>BAB 5 STRATEGI PERTAHANAN DALAMAN DALAM MAHABHARATA DAN HIKAYAT HANG TUAH .....</b>		<b>247</b>
5.1	Pendahuluan .....	247
5.2	Ciri-Ciri Aspek Dalaman dalam <i>Arthashastra</i> (Kautilya) dan Seni Perang (Sun Tzu).....	248
5.2.2	Integriti .....	248
5.2.2(a)	Kesetiaan Kukuh Terhadap Pemerintah .....	248
5.2.2(b)	Tidak Rakus Terhadap Kuasa.....	257
5.2.2(c)	Keadilan Menjamin Kesejahteraan Rakyat Dan Kerajaan .....	263
5.2.3	Psikologi Perang.....	266



5.2.4	Penggunaan Elemen Luar Biasa/ Mistik .....	269
5.2.5	Mengetahui Kekuatan Dan Kelemahan .....	274
5.2.6	Menghindari Konflik Terbuka.....	278
5.3	Kesan Pertahanan Dalaman yang Kukuh .....	281
5.4	Kesimpulan.....	286
<b>BAB 6 RUMUSAN .....</b>		<b>289</b>
6.1	Rumusan.....	289
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>		<b>303</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 4.1	Penyumbang Angkatan Tentera kepada Tentera Pandava ..... 178
Jadual 4.2	Penyumbang Angkatan Tentera kepada Tentera Kaurava ..... 178
Jadual 4.3	Makara Vyuha oleh Pandava pada hari ke enam belas ..... 205
Jadual 4.4	Makara Vyuha oleh Pandava pada hari ke enam belas ..... 205
Jadual 4.5	Makara Vyuha oleh Kaurava pada hari ke enam belas ..... 223
Jadual 4.6	Kekuatan tentera Kauravas dan Pandava relatif pada hari kelapan belas ..... 224

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 3.1	Kronologi Pemerintahan India Utara ..... 105
Rajah 3.2	Sistem Kasta..... 107
Rajah 3.3	Sistem Pembesar Berempat..... 132
Rajah 3.4	Jenis Sistem Pembesar dalam Institusi Kesultanan Melayu Melaka..... 132
Rajah 3.5	Perang dan Pertahanan dalam <i>Mahabharata</i> dan <i>Hikayat Hang Tuah</i> .....298

## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 2.1 Sun Tzu, pengarang buku Seni Perang .....	50

## SENARAI PETA

	<b>Halaman</b>
Peta 3.1	Sungai Sarasvati antara Sungai Yamuna dan Sungai Sutlej ..... 102
Peta 3.2	Kerajaan zaman <i>vedik</i> awal ..... 106
Peta 3.3	Melaka Tradisional ..... 124
Peta 3.4	Peralihan angin monsun di Melaka ..... 126

## SENARAI SINGKATAN

*Mahabharata*  
*Hikayat Hang Tuah*

*MBH*  
*HHT*

## GLOSARI

Acharya	Guru
Adharma	Kejahatan
Ajnatavasa	Tidak boleh ditemui
Amitra	Orang Asing
Artha	Kekayaan dari segi pemikiran, matlamat dan ia merupakan salah satu ciri daripada keperluan manusia untuk capai matlamat hidup
Asrama	Asrama
Dharma	Kebaikan dan keadilan
Dharmaraja	Salah satu gelaran kepada Yudhishtira, merupakan pemerintah yang adil
Ghandrava	Makhluk halus merupai manusia serta mempunyai kuasa ajaib dan pakar dalam seni tarian dan musik
Sabha	Balairung
Syavaram	Puteri raja akan memilih putera ataupun raja yang disukai olehnya dalam upacara tersebut. Putera ataupun raja boleh memenangi puteri dalam pertandingan yang dianjurkan oleh ayahnya, raja
Maharathas	Raja (Gelaran pemerintah pada zaman India Klasik)
Mitra	Persahabatan
Pradakshina	Ritual agama Hindu
Rajan	Raja
Rakshasas	Raksasa
Uttamam	Syabas dan bagus
Kshatriya	Keturunan Pahlawan
Tirthas	Tempat suci
Vana	Hutan
Varna	Kasta
Vasma	Keturunan
Vyuha	Formasi
Yudha	Perang

**PEPERANGAN DALAM MAHABHARATA DAN HIKAYAT HANG  
TUAH: SATU KAJIAN STRATEGI PERTAHANAN LUARAN DAN  
DALAMAN**

**ABSTRAK**

Tesis ini merupakan suatu kajian tentang peristiwa-peristiwa peperangan yang terdapat dalam karya epik dari India dan juga epik dari Nusantara. Karya epik dari India yang dipilih ialah karya *Mahabharata*, manakala epik Melayu Nusantara pula ialah *Hikayat Hang Tuah*. Antara objektif kajian ini ialah membandingkan dua buah karya epik daripada tradisi India dan tradisi Melayu iaitu *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam aspek peperangan dan pertahanan. Objektif kedua ialah mengkaji bentuk pertahanan luaran yang terdapat dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Objektif ketiga ialah menganalisis bentuk pertahanan dalaman yang terdapat dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Permasalahan utama yang mendasari kajian ini ialah terdapatnya satu kelompangan berkaitan kajian ini. Sehingga hari ni belum ditemui lagi sebuah kajian yang membandingkan epik *Mahabharata* dengan *Hikayat Hang Tuah* dalam aspek peperangan dan pertahanan secara mendalam. Selain itu kajian juga ingin menjawab beberapa isu berkaitan aspek pertahanan luaran seperti senjata, strategi, taktik perang yang memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan kerajaan yang ditampilkan dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Selain itu, sejauh manakah keberkesanan penggunaan pertahanan dalaman yang ditampilkan dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* sebagai benteng pertahanan sesebuah kerajaan daripada ancaman serangan musuh juga akan dilihat. Kaedah penyelidikan merangkumi dua bahagian iaitu kaedah pengumpulan data seperti kajian



kepustakaan, kajian lapangan dan kaedah pencarian laman sesawang. Kedua, kaedah analisis data secara tekstual. Teks *Mahabharata* dan teks *Hikayat Hang Tuah* merupakan sandaran utama kajian ini. Teori utama yang mendasari perbincangan tesis ini ialah teori Seni Perang oleh Sun Tzu (1992, 1993, 1995, 2000 dan 2002) dan teori *Arthashastra* oleh Kautilya (1972 & 1992). Kedua-dua teori ini membincangkan aspek pertahanan yang merangkumi pertahanan luaran dan dalaman yang komprehensif dan sesuai diaplikasikan untuk kedua-dua karya epik ini. Kajian ini sangat signifikan dalam dunia kesusasteraan tradisional kerana kajian seperti ini dapat membuktikan bahawa karya tradisional sama ada daripada Nusantara ataupun India itu mampu mengupaskan isu yang besar dan penting seperti sistem pertahanan. Secara tidak langsung kajian seperti ini telah menonjolkan kehebatan, kebijaksanaan serta perancangan peperangan yang diatur oleh masyarakat zaman silam ketika mempertahankan negara mereka daripada serangan musuh. Malah kajian ini juga menemukan kesan-kesan buruk yang berlaku terhadap sesuatu kerajaan atau pemerintahan apabila sistem pertahanan luaran dan dalaman mereka tidak diberi perhatian sebaik mungkin. Selain itu, terdapat implikasi kajian dari segi kerangka dan metodologi penyelidikan.

**WARFARE IN THE MAHABHARATA AND HIKAYAT HANG TUAH: A  
STUDY OF EXTERNAL AND INTERNAL DEFENCE STRATEGIES**

**ABSTRACT**

This thesis is a study of the war events found in the epic works of India as well as the epics of the Malay Archipelago (*Nusantara*). The chosen epic work from India is the *Mahabharata*, while the *Nusantara* epic is the *Hikayat Hang Tuah*. Objectives of this study is to compare two epic works from the perspectives of the Indian and Malay traditions, in the aspects of war and defence. The second objective is to study the forms of external defence and war that been wage in the *Mahabharata* and *Hikayat Hang Tuah*. The third objective is to analyse the forms of internal defence found in the works of *Mahabharata* and *Hikayat Hang Tuah*. There is no study has yet to conduct an in-depth comparison between the epic of *Mahabharata* and *Hikayat Hang Tuah* in the aspects of war and defence. In addition, this study also answer several issues related to the aspects of external defence, such as weapons, strategies, and war tactics, that play an important role in defending the sovereignty of the governments featured in the works of *Mahabharata* and *Hikayat Hang Tuah*. Furthermore, this study will also examine the effectiveness of applying internal defences as a stronghold of a government's defence against threats of enemy attacks, as featured in the works of *Mahabharata* and *Hikayat Hang Tuah*. The research method encompasses two parts: secondary data collection methods, such as library studies, field studies, and website search methods; and the qualitative method of textual data analysis. The *Mahabharata* and *Hikayat Hang Tuah* texts are the primary focus of this study. The fundamental theory of this thesis is the *The Art of War* by Sun Tzu (1992, 1993, 1995, 2000 dan 2002) and *Arthashastra Theory* by Kautilya (1972 &

1992), which discusses the defensive aspects that include external and internal defences. This study is highly significant to the realm of traditional literature since it may prove that traditional works, either from the Malay Archipelago or India, are capable of addressing wider and more critical issues such as defence systems. This study has also shown how superiority, intellect, and military strategy were employed by ancient civilizations to protect their countries from invading enemies. The negative impacts on kingdoms when their internal and external defence mechanisms are not given the optimum care were also revealed by this study. In addition, there are research implications in terms of research framework and methodology.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Sejak permulaan tamadun, umat manusia telah melibatkan diri dalam peperangan sama ada secara kecil-kecilan mahupun besar-besaran yang telah menyebabkan banyak nyawa terkorban dan kemusnahan harta benda. Perkara ini berlaku kerana sesuatu insiden ataupun perbuatan yang mencetuskan perselisihan faham antara dua atau lebih pihak mengakibatkan pertempuran. Dinstein (2017:7) dalam bukunya *War, Aggression and Self-Defense* mendefinisikan peperangan sebagai ‘penglibatan dua atau lebih negeri melalui kerahan tentera untuk mengalahkan pihak lawan dan pihak yang tewas perlu mengikut perintah pihak yang menang dalam peperangan tersebut’. Oleh itu, kedua-dua pihak yang bertelagah (mungkin juga lebih daripada dua pihak yang saling bermusuhan) boleh ditafsirkan sebagai peristiwa peperangan, pertempuran bersenjata, pemberontakan senjata dan konflik senjata secara terbuka.

Peperangan mempunyai hubungan dengan kesusasteraan. Hal ini kerana semasa perang, terdapat pelbagai tujuan, seperti mendokumentasikan pengalaman perang, mencerminkan kesannya terhadap individu dan masyarakat, memberikan ketenangan kepada mereka yang terjejas, dan juga berfungsi sebagai propaganda untuk pelbagai pihak yang berkonflik.

Di samping itu, peristiwa-peristiwa perang yang berlaku pada masa lampau, telah dirakamkan dalam bentuk tulisan, misalnya dalam genre epik, hikayat, syair oleh para pengarang kesusasteraan tradisional sebagai satu dokumentasi bagi

generasi akan datang. Oleh hal yang demikian, karya kesusasteraan tradisional turut menggarapkan insiden peperangan dalam naratifnya selain aspek budaya, sejarah dan adat istiadat. Kesusasteraan epik mencitrakan pemikiran, keadaan masyarakat tradisional dan juga heroisme dalam karyanya. Karya epik mengisahkan keperwiraan dan kepahlawanan tokoh-tokoh tersohor. Kegagahan dan keberanian tokoh-tokoh itu telah menjadi bukti kebanggaan kerana dapat mengangkat martabat dan identiti bangsa dan negaranya. Selain itu, karya yang mempunyai ciri-ciri epik dapat dilihat melalui perwatakan kegagahan, menegakkan kebenaran, menegakkan keadilan, memenuhi janji, sifat tolong-menolong, nilai pengampun, nilai pemurah dan menghormati orang lain, kepimpinan dan kebijaksanaan dan yang terakhir ialah pengembangan agama Islam (Ismail Hamid, 1990:203). Noriah Taslim & Chemaline Osup (2013: 38) pula menyatakan bahawa sastera epik melibatkan nilai kepahlawanan dan ketokohan yang tinggi bagi seseorang manusia. Genre ini merujuk kepada individu perkasa yang hidupnya adalah semata-mata untuk mencari nama dan kehormatan dengan cara menggunakan keupayaan fizikal dan mental yang luar biasa untuk menebus maruah bangsa. 'Tokoh-tokoh yang diraikan dalam karya kesusasteraan tradisi bersifat sejarah tetapi telah diberi dimensi luar biasa sehingga diangkat sebagai *supra human*' (Noriah Taslim & Chemaline Osup, 2013: 39).

Sementara itu, karya *Mahabharata* merupakan karya kesusasteraan India yang amat popular di negara India dan juga di Asia Tenggara. Hampir keseluruhan masyarakat yang berada dalam lingkungan ini mengetahui cerita-cerita tentang Pandavar, Kauravar dan peperangan *Kurushestra*. Walaupun kedengaran hiperbola dengan kenyataan ini, namun karya *Mahabharata* telah memberi impak secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang seni bina, seni persembahan dan karya ini juga diasimilasikan mengikut budaya wilayah atau negara (Molen, 2018: 1).

Arti Dhand (2007: 271) juga menyatakan bahawa karya *Mahabharata* telah merangkumi pelbagai aspek yang dapat dijadikan contoh dan iktibar kepada seseorang manusia supaya menjadi insan yang unggul. Pada mulanya *Mahabharata* dikarang oleh Vyasa dalam tulisan Sanskrit pada abad ke-500 SM. Menurut Hiro G. Badlani (2008: 105), Vyasa bermaksud penyusun *veda* yang diklasifikasikan sebagai *hymns* ataupun ayat-ayat suci dalam empat bentuk veda iaitu *Rig*, *Yajur*, *Sama* dan *Atharva*. Peristiwa penyusunan *veda* oleh Vyasa ini dikaitkan dengan kejadian musim kemarau selama 14 tahun yang menyebabkan sungai Saraswati<sup>1</sup> menjadi kering kontang dan akibatnya kitab *Veda* telah hilang sehingga disusun semula dan diklasifikasikan sebagai empat *veda* oleh Vyasa (Devdutt Pattanaik, 2010: xi & xv). Vyasa telah mengarang karya ini dalam bentuk 100,000 baris rangkap ataupun seloka dan terdiri daripada 18 *parva* (bab).

Di samping itu, *Mahabharata* yang telah dikarang oleh Vasya merangkumi aspek peperangan, sistem pertahanan dan politik. Isu ini diketengahkan oleh Vasya dengan melakar agenda Pandavar menentang Kauravar di bumi *Kurushestra*. Selain itu, Vasya turut menggambarkan suasana peperangan, teknik peperangan, persenjataan dan sistem yang digunakan oleh kedua-dua pihak. Hal ini kerana, pihak Kauravar mengikut jalan *Adharma* (kejahatan) dengan melakukan kezaliman demi takhta dan agenda-agenda lain yang menyebabkan kejatuhan pihak Kauravar dan sekutunya. Malahan, aspek politik juga memainkan faktor kejatuhan kerajaan Hastinapuri. Misalnya, Yudhishtira yang merupakan putera sulung dalam kalangan Pandavar telah mentadbir negara Inderapastra dengan penuh adil dan saksama sehingga dikatakan zaman keemasan. Jadi, kekayaan negara Inderapastra menjadi

---

<sup>1</sup> Pembentukan tamadun India dan kaitannya dengan sungai Saraswati akan dibincang secara terperinci dalam Bab 3

target Duryodhna, putera sulung Kaurava sehingga menyebabkan pergolakan politik antara dua negara.

Sehubungan dengan itu, karya kesusasteraan Melayu Nusantara iaitu *Hikayat Hang Tuah* dipilih untuk dibandingkan dengan teks *Mahabharata* dalam aspek peperangan dan sistem pertahanan luaran dan dalaman. Hal ini kerana kesusasteraan Melayu Nusantara juga tidak kurang hebat jika dibandingkan dengan kesusasteraan dunia. Harun Mat Piah, et al (2002: xi) menyatakan bahawa kesusasteraan Melayu tradisional melambangkan profilek dan himpunan ilmu sastera Melayu sebagai intelektual masyarakat Melayu Nusantara. Malahan, karya kesusasteraan Melayu tradisional memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh besar kepada masyarakat Melayu Nusantara sehingga mengangkat tokoh-tokoh seperti Isma Yatim, Siti Zubaidah, Tun Perak, Hang Tuah, Iskandar Zulkarnain, Muhammad Ali Hanafiah dan Amir Hamzah yang merupakan tokoh ideal yang wajar dijadikan contoh serta idola. Paparan watak-watak tersebut dalam kesusasteraan Melayu tradisional menegaskan kepentingan ilmu dan kebijaksanaan dalam diri setiap insan bagi melaksanakan tanggungjawab serta kewajipan selaku khalifah Allah SWT di muka bumi dan hamba-Nya (Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi, 2015: 190). Salah satu khazanah Melayu tradisional ialah *Hikayat Hang Tuah*, mengisahkan laksamana Melayu iaitu Hang Tuah di Melaka pada abad ke-15. Pengarang hikayat ini telah melakarkan peperangan dan sistem pertahanan yang memaparkan kebijaksanaan dan lokaliti masyarakat Melayu Nusantara dahulu.

*Hikayat Hang Tuah* juga merupakan karya epik yang memaparkan aliran realisme dan tidak mempunyai pengaruh daripada karya lain seperti kesusasteraan Jawa, kesusasteraan India mahupun terjemahan sumber-sumber Islam (Kassim

Ahmad, 1997: xvi). Malahan, *Hikayat Hang Tuah* merupakan sastera epik yang dikategorikan sebagai epik kebangsaan. *Hikayat Hang Tuah* juga digunakan sebagai salah satu medium untuk menaikkan semangat kebangsaan dan perjuangan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional bagi tujuan menghadapi ancaman musuh. Epik ini mengisahkan lokaliti dan pemikiran kritis masyarakat Melayu tradisional melalui watak-watak dalam *Hikayat Hang Tuah* dari segi pertahanan dan strateginya dalam peperangan. Oleh yang demikian, teks kesusasteraan Melayu dan karya kesusasteraan India telah dipilih untuk dikaji secara perbandingan bagi melihat pengaruh dan kesinambungan antara karya-karya tersebut.

Perbandingan antara karya sastera India iaitu *Mahabharata* dan karya sastera Melayu iaitu *Hikayat Hang Tuah* ini bertujuan untuk melihat sistem pertahanan secara luaran dan dalaman yang wujud semasa peperangan dan juga pertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh berdasarkan teori perang oleh Kautilya dan teori seni perang oleh Sun Tzu.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Karya epik mengandungi dongeng, mitos dan kreativiti imaginasi pengarang. Menurut Zaini-Lajoubert (2010: 115) karya epik mengandungi unsur dongeng dan juga unsur nyata. Namun, terdapat unsur sejarah mengenai tarikh kewujudan zaman tersebut, cara hidup, cara pemerintahan dan cara berperang yang boleh diambil kira dalam hikayat tersebut (Mohd Rosli Bin Saludin & Muhammad Sufi Bin Ahmad Nazri, 2020: 24). Di samping itu, fakta mendapati epik dan hikayat mengenai kewujudan pahlawan pada era tertentu memang selari dengan catatan sejarah. Perkara ini dapat dilihat dalam karya epik India seperti *Mahabharata* dengan aspek peperangan, terutamanya perang *Kurushestra*. Perang *Kurushestra* merupakan



persengketaan antara dua keluarga dalam satu dinasti iaitu dinasti *Kuru* tetapi permusuhan tersebut melibatkan keseluruhan kerajaan yang terdapat pada zaman lampau di India. Peperangan *Kurushestra* telah berlangsung selama 18 hari yang mengakibatkan jutaan bala tentera dari kedua-dua pihak telah terkorban (Brown, 2017: 472). Malahan, perang ini dikatakan pengakhiran zaman *Dwapara yugam* dan permulaan zaman baru iaitu *Kali yugam*.

Malahan, karya epik Melayu Nusantara iaitu *Hikayat Hang Tuah* juga merupakan sebuah epik Melayu yang menghuraikan kisah seorang pahlawan Hang Tuah yang luar biasa semasa kegemilangan zaman Melaka pada abad ke 15. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Ja'afar (2013: 100) yang mengetengahkan bahawa *Hikayat Hang Tuah* sebagai epik yang menceritakan kebesaran sultan atau raja dan kesetiaan rakyat terhadap raja-raja Melayu. Beliau juga menganggap *Hikayat Hang Tuah* sebagai epik Melayu asli yang terbesar.

Bukan itu sahaja, kedua-dua epik juga mewakili kesusasteraan masing-masing iaitu negara India dan Melayu Nusantara. Namun, permasalahan pertama yang menjadi teras kepada kajian ini ialah wujudnya satu kelompangan berkaitan dengan perbandingan antara peperangan dan sistem pertahanan Melayu Nusantara dalam *Hikayat Hang Tuah* dengan karya India klasik iaitu *Mahabhrata* dalam aspek peperangan dan pertahanan. Hal ini kerana perbandingan antara sistem pertahanan India klasik dan Melayu Nusantara dalam kedua-dua karya ini belum pernah lagi dikaji secara mendalam.

Sehubungan dengan itu, aspek luaran seperti menakluk jajahan dan menjadi kerajaan berkuasa gemilang dan mutlak ini mempengaruhi sistem pertahanan dan peperangan (Davis, 2011:84). Justeru, pengetahuan perang dan strategi pertahanan

masyarakat India klasik dan masyarakat Melayu Nusantara melampaui zaman dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* perlu diketengahkan. Perkara ini merujuk kepada aspek luaran berkaitan dengan sistem pertahanan dalam peperangan untuk mempertahankan kerajaan dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Aspek luaran ini meliputi senjata, strategi, taktik perang, dan lain-lain yang terdapat dalam kedua-dua karya tersebut. Aspek ini juga memperlihatkan cara pemikiran masyarakat India klasik dan masyarakat Melayu Nusantara. Oleh hal yang demikian, permasalahan kedua yang menjadi isu dalam kajian ini adalah bagaimana aspek pertahanan luaran ditampilkan oleh pengarang kedua-dua karya seperti senjata, strategi, taktik perang yang dicitrakan dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*? Dengan itu, dapatan kajian ini akan menyerlahkan kepakaran masyarakat India klasik dan masyarakat Melayu Nusantara dalam sistem pertahanan dan peperangan.

Selain pertahanan secara luaran, peperangan juga mempunyai aspek pertahanan yang bersifat dalaman. Bahkan perlu diamati bahawa pertahanan dan peperangan dalam *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* ini melibatkan aspek dalaman seperti semangat nasionalisme, patriotik, pegangan teguh terhadap agama dan lain-lain. Aspek dalaman merupakan aspek yang penting untuk memperkukuhkan sesuatu kerajaan. Hal ini kerana jika sesuatu kerajaan mempunyai tentera yang ramai dan kuat tetapi tidak mempunyai semangat dalaman seperti cinta akan negara dan lain-lain lagi, maka musuh dapat menawan kerajaan tersebut dengan mudah. Misalnya, dalam karya *Hikayat Hang Tuah* mencitrakan peperangan Melaka dengan pihak Feringgi. Walaupun kerajaan Melaka mempunyai senjata yang lengkap dan juga jumlah tentera yang hampir dengan pihak Feringgi tetapi punca kejatuhan negeri Melaka ke tangan kuasa asing berkemungkinan disebabkan kegoyahan aspek

dalaman. Oleh itu, permasalahan ketiga dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan penggunaan pertahanan dalaman yang ditampilkan dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* sebagai benteng pertahanan sesebuah kerajaan daripada ancaman serangan musuh?

### 1.3 Objektif Kajian

Umumnya, kajian ini bertujuan menganalisis peperangan dan sistem pertahanan dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* secara perbandingan. Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Membandingkan dua buah karya epik daripada tradisi India dan tradisi Melayu iaitu *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* dalam aspek peperangan dan pertahanan. Kedua-dua epik ini akan dikaji berdasarkan peristiwa-peristiwa peperangan dan sistem pertahanan yang hebat dan dikatakan pernah berlaku dalam zaman tradisional.
- ii. Mengkaji bentuk pertahanan luaran yang terdapat dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* serta pelaksanaan strategi peperangan yang diaplikasi oleh masyarakat India klasik dan juga masyarakat Melayu Nusantara berdasarkan teori perang Kautilya dan teori seni perang oleh Sun Tzu.
- iii. Menganalisis bentuk pertahanan dalaman yang terdapat dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Objektif ini akan memperhalusi sifat dalaman bentuk pertahanan yang ternukil dalam kedua-dua epik ini berdasarkan teori perang Kautilya dan teori seni perang oleh Sun Tzu, yang memaparkan pemikiran masyarakat India klasik dan juga masyarakat Melayu Nusantara.

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Manusia tanpa mengira zaman sering terjerumus dalam peperangan demi mencapai matlamat dan kekuasaan. Hal ini jelas apabila peperangan ini bukan hanya terjadi dalam masyarakat moden hari ini tetapi telah berlaku dalam masyarakat India klasik dan masyarakat Melayu Nusantara. Malah, peperangan pada zaman tradisional telah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat klasik kerana hasil peperangan dapat mengubah sejarah negara tersebut dalam pelbagai aspek seperti tampuk pemerintah, budaya dan lain-lain lagi (Dudziak, 2012: 1). Maka sistem pertahanan dan strategi perang dalam sesebuah negara memainkan peranan penting bagi mengukuhkan institusi pemerintahan negara tanpa dijajah oleh kuasa asing. Perkara ini telah diangkatkan oleh para pengarang kesusasteraan tradisional dalam karya sastera seperti *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Rentetan daripada itu, kepentingan kajian ini dapat dilihat seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Pertahanan klasik sering memberi perhatian kepada pertahanan luaran seperti strategi perang, kubu, dan senjata. Namun, aspek pertahanan dalaman dipandang ringan. Maka, kajian ini penting untuk melihat keberkesanan pertahanan dalaman seiring dengan pertahanan luaran dalam peperangan dan sistem pertahanan India klasik dan Melayu Nusantara berasaskan karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*.
- ii. Menganalisis kesesuaian teori perang Kautilya dan teori seni perang oleh Sun Tzu bagi mengkaji aspek peperangan yang berlaku dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* yang mewakili masyarakat India klasik dan masyarakat Melayu Nusantara pada zaman tradisional.

- iii. *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* ini memberi solusi, kepentingan dan memaparkan aspek pertahanan luaran dan dalaman dalam penceritaan karya sastera untuk generasi masa depan.
- iv. Menghasilkan dapatan kajian yang merentasi disiplin ilmu, iaitu sastera, sejarah dan kajian peperangan tradisional.
- v. Selain itu, dokumentasi tentang dapatan kajian ini boleh menjadi bahan rujukan untuk mengkaji jenis perang dan sistem pertahanan luaran dan dalaman serta membahaskannya dengan lebih mendalam dan meluas lagi. Pengkaji strategi perang yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan mendrafkan strategi boleh menjadikannya sebagai bahan rujukan untuk merujuk jenis peperangan dan sistem pertahanan seperti dilakukan oleh Kementerian Pertahanan India dan perkara ini boleh dipraktikkan oleh negara Malaysia pada masa hadapan. Bagi negara Malaysia yang menjadi tempat tinggal pelbagai kaum, sistem pertahanan yang terdapat dalam karya Melayu tradisional yang menyerlahkan identiti negara di peringkat antarabangsa dalam kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

## **1.5 Skop dan Batasan Kajian**

Skop dan batasan bagi kajian ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu pemilihan teks, pemilihan aspek kajian dan pemilihan teori.

### **1.5.1 Pemilihan Teks**

Kajian ini menggunakan teks genre epik yang menampilkan latar masyarakat India klasik dan masyarakat Melayu Nusantara dan peperangan. Epik yang terlibat ialah

*Mahabharata* daripada tradisi kesusasteraan India dan *Hikayat Hang Tuah* mewakili karya kesusasteraan Melayu tradisional. Walaupun kedua-dua karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* telah dikarang oleh pengarang karya masing-masing pada era yang berbeza, namun, *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* ini memaparkan peristiwa perang, sistem pertahanan luaran dan dalaman yang mewakili aspek pemikiran masyarakat India Klasik dan Melayu Nusantara yang setanding.

a) Epik *Mahabharata*

Karya *Mahabharata* dipilih kerana teks ini merupakan sebuah karya epik yang terkenal dalam kesusasteraan India. Menurut Al Basham (1966: 409), *Mahabharata is a complex story than other epics*. Oleh itu, buku *The Complete Mahabharata* oleh Ramesh Menon (2010) dipilih kerana terjemahan daripada teks Sanskrit ke bahasa Inggeris ini lengkap dan disertakan dengan huraian yang komprehensif kepada pembaca yang tidak dapat membaca tulisan Sanskrit (*non Sanskrit readers*).

Epik *Mahabharata* ini telah dikarang oleh Vyasa ataupun juga dikenali sebagai Vyasa Muniyar dan ditulis oleh Ganesha seiring dengan Vyasa yang menuturkan epik ini secara lisan. Namun, epik ini telah mengalami penambahan sloka ataupun *verses* dari generasi ke generasi apabila sarjana klasik India telah menyebut karya ini secara lisan dan juga telah menyalinnya dalam manuskrip jenis lontar (diperbuat daripada daun pokok sawit/ *palm leaves*) (I Made Suastika, et al, 2017: 106).

Usaha untuk mengumpul manuskrip-manuskrip *Mahabharata* yang tersebar luas di seluruh India dan mengenal pasti manuskrip dengan menterjemahkan epik ini telah dilaksanakan oleh para sarjana bermula pada abad ke-18. Bhandakar Oriental Research Institute di Pune, India telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengumpul, menyelenggara dan menterjemah manuskrip-manuskrip Sanskrit

termasuk karya *Mahabharata* sejak 1919 sehingga kini (Johnson, 1993: 169). Namun, cetakan pertama karya *Mahabharata* terjemahan Sanskrit ke Bahasa Inggris diterjemah oleh Kisari Mohan Ganguli dan diterbitkan oleh Bharata Press, Calcutta, India pada tahun 1886 (Slavitt, 2015: vii).

Walaupun karya *Mahabharata* berlatarkan masa lampau tetapi karya *Mahabharata* masih menjadi topik kajian untuk mengkaji. Kisah konflik dalam karya *Mahabharata* memaparkan makna yang mendalam seperti bagaimana seseorang menghadapi situasi yang gentir berlandaskan nilai moral dan etika. Karya tersebut juga menerangkan bahawa nilai integriti merupakan nilai yang asas demi masa depan yang cerah dan juga kehidupan seharian yang aman. Malahan, nilai kepemimpinan dan tugas seorang pemimpin turut menjadi satu fokus dalam karya *Mahabharata*. Kisah mengenai para pahlawan ataupun para *Khastria* yang terkenal dalam karya *Mahabharata* seperti Bhishma, Karna, Arjuna, Drona dan Bhima, dapat dijadikan sebagai iktibar ataupun panduan kepada para pemimpin abad ke 21 dalam skop kepimpinan.

Malahan, karya *Mahabharata* juga memiliki nilai-nilai estetika dan kebudayaan. Karya *Mahabharata* bukan hanya popular di India, malah di seluruh dunia dapat melihat inspirasi karya tersebut dalam pelbagai bidang (Bhagwan Singh Suryavanshi, 1986: 88). Oleh yang demikian, *Mahabharata* masih sangat relevan untuk dikaji pada abad ke 21 dan dapat memberikan banyak manfaat bagi manusia dalam memahami nilai-nilai etika, moral, kepemimpinan, strategi pertahanan, serta kesenian dan kebudayaan.

Harikumar Pallathadka dan Laxmi Kirana Pallathadka (2020: 8266) berpendapat bahawa *Mahabharata* adalah contoh sempurna bagi perancangan strategi pentadbiran

tentera dan negeri. Bukan itu sahaja, Nagarhalli Tatwadarshi Prahlad (2018) telah mengkaji kerelevanan strategi dan sistem pertahanan luaran dalam perang Kurushestra dalam karya *Mahabharata* dengan perang India-China pada tahun 1962 dan perang India-Pakistan pada tahun 1971.

Persoalannya, adakah strategi pertahanan dalam karya *Mahabharata* relevan pada masa kini. Malah, strategi-strategi pertahanan yang terdapat dalam *Mahabharata* dapat diguna pakai pada abad ke-21. Beberapa kategori dalam konteks strategi pertahanan adalah seperti berikut:

1. Benteng Pertahanan: Karya *Mahabharata*, para pahlawan ataupun wira seperti Bhishma, Drona, Arjuna, Karna dan Bhima mempertahankan kerajaan mereka daripada ancaman musuh dengan memperkukuhkan pertahanan luaran dan juga pertahanan dalaman. Konteks benteng pertahanan sesebuah negara sangat penting, malah pada era moden ini, musuh boleh menyerang dalam pelbagai cara termasuk serangan siber. Pihak musuh boleh menyerang melalui penyebaran virus komputer yang boleh digodam oleh musuh demi mencuri maklumat rahsia ketenteraan sesebuah negara, jika benteng pertahanan siber negara tersebut lemah. Maka, untuk melindungi negara dan rakyat daripada serangan siber, organisasi dan elemen lain, negara tersebut harus mempunyai sistem pertahanan yang kuat.
2. Pengintipan: Kepentingan elemen pengintipan telah dititikberatkan dalam karya *Mahabharata*. Peristiwa Krishna menggunakan ejen rahsia untuk memasuki kem musuh iaitu Duryodhana bagi mengetahui rancangan Duryodhana, untuk mendapatkan maklumat rahsia dan merosakkan pertahanan musuh iaitu pihak Kaurava bagi membantu pihak Pandava semasa



perang *Kurushestra*. Strategi pengintipan ini boleh digunakan pada abad ke 21, misalnya sesebuah negara boleh mendapatkan pakar siber untuk mengekalkan sistem pertahanan mereka sendiri dan pihak musuh tidak dapat mengodam maklumat sulit dan mencuri maklumat ketenteraan negara tersebut.

3. Pemanfaatan Teknologi yang canggih: Para pahlawan dalam karya *Mahabharata* telah menggunakan senjata seperti *sudarshana chakra*, senjata kuasa yang lebih zaman, milik Krishna. Melalui *sudarshana chakra*, Krishna telah membunuh Sisupala, yang telah menyebabkan kekecohan semasa pertabalan Yudhistria. Pada abad ke 21, teknologi canggih boleh digunakan untuk memperbaiki strategi pertahanan. Misalnya, sistem keselamatan siber yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan dan analisis data boleh membantu dalam pengesanan dan tindakan pantas terhadap ancaman siber yang dilancarkan oleh pihak musuh.

Perkara ini dapat dilihat bahawa aspek peperangan dan sistem pertahanan dalam karya *Mahabharata* ini relevan dan dapat guna pakai untuk strategi peperangan dengan perang era moden. Aspek peperangan dalam karya *Mahabharata* lebih jelas dicitrakan oleh pengarang dengan salah satu peristiwa perang *Kurushestra*, yang dikenali sebagai perang maha hebat dan besar berlangsung selama 18 hari. Selain itu, perang *Kurushestra* juga menampilkan sistem pertahanan luaran seperti strategi dan formasi pertahanan dan serangan, dan juga sistem pertahanan dalaman<sup>2</sup> dianalisis melalui teori Seni Perang dan *Arthashastra*.

#### b) Epik *Hikayat Hang Tuah*

---

<sup>2</sup> Perkara ini akan dibincang dengan lebih teliti dalam Bab 4 dan Bab 5

Epik *Hikayat Hang Tuah (HHT)* yang dikaji dan diperkenalkan oleh Kassim Ahmad (1997) telah dipilih untuk dikaji secara perbandingan dengan karya *Mahabharata* kerana *Hikayat Hang Tuah* memaparkan tradisi imej masyarakat Melayu Nusantara. *Hikayat Hang Tuah* merupakan karya unik dan diiktirafkan sebagai wakil wira untuk watak manusia yang biasa ke arah manusia luar biasa (Muhammad Haji Salleh, 2003: 3). Bukan itu sahaja, hikayat ini ialah karya epik masyarakat Melayu tradisional tanpa ada sebarang saduran daripada unsur sastera asing.

Malahan, *HHT* yang diklasifikasikan sebagai karya epik yang sangat unik. Hal ini kerana *HHT* merupakan karya epik Melayu tradisional asli dan tanpa sebarang saduran ataupun pengaruh daripada karya kesusasteraan asing seperti sastera India, sastera Arab dan karya asing yang lain. Karya ini melambangkan jati diri masyarakat Melayu tradisional. Winstedt (1972: 62) telah menyatakan bahawa *HHT* adalah satu-satunya epik asli dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Bahkan, Kassim Ahmad (1997: xvi) juga berpendapat bahawa *HHT* adalah satu-satunya karya epik Melayu asli.

*HHT* ini dikarangkan pada abad ke 17-18 iaitu selepas kejatuhan ke tangan Portugis pada 1511, dan selepas itu telah ditawan oleh Belanda pada 1641 (Noriah Taslim, 1986: 2). Namun, latar belakang karya ini berlandaskan pada awal abad ke-14 sehingga abad ke-15 iaitu kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis dan Sultan Mahmud Shah merupakan Sultan Melaka terakhir dalam konteks sejarah. Justeru, Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa dan Wayu Nor Asikin Mohamad (2017: 21) menyatakan bahawa karya *HHT* berasaskan pengalaman hidup yang sebenar oleh masyarakat Melayu Nusantara dan disuburkan dengan nilai kreativiti sastera. Jadi, *HHT* ini merupakan karya sastera epik Melayu tradisional dan bukan

karangan sejarah. Meskipun *Hikayat Hang Tuah* mencitrakan zaman tradisional iaitu pada abad ke 14 dan abad ke 15, namun beberapa strategi pertahanan yang terdapat dalam karya tersebut masih dapat diterapkan pada abad ke 21. Berikut beberapa strategi pertahanan yang dapat dipelajari dari *Hikayat Hang Tuah*:

1. Kekukuhan Pertahanan Negara: Hang Tuah dan sahabatnya dalam *Hikayat Hang Tuah* telah mempertahankan kerajaan Melaka dengan strategi pertahanan yang kukuh. Misalnya, Hang Tuah serta sahabatnya telah melindungi Raja Melaka daripada ancaman musuh seperti Majapahit, telah dicitrakan dalam karya *Hikayat Hang Tuah*. Pihak lain seperti Majapahit, Inderapura, dan Terengganu tidak dapat menakluk Melaka kerana benteng pertahanan kerajaan Melaka sangat kukuh. Namun, Portugis hanya dapat menawan Melaka selepas beberapa kali percubaan dan dapat menawan Melaka dengan cara tipu muslihat. Keamanan sesebuah negara sangat penting bagi kemajuan negara dan juga kesejahteraan hidup rakyat. Maka, strategi yang dipaparkan dalam *Hikayat Hang Tuah* iaitu Hang Tuah berperanan sebagai benteng pertahanan bersama pahlawan lain di kerajaan Melaka, dapat dikaitkan dengan fungsi strategi pertahanan negara pada abad ke 21. Hal ini kerana negara-negara yang berkeupayaan untuk membina sistem pertahanan yang kukuh, termasuk pembangunan teknologi moden untuk mempertingkatkan pertahanan mereka daripada ancaman musuh.
2. Pengintipan: *Hikayat Hang Tuah* mencitrakan peristiwa yang berkaitan dengan pengintipan. Misalnya, Betara Majapahit telah

menghantar pahlawan Majapahit ke kampung penempatan rombongan Melaka untuk mengintip keadaan dan juga untuk mengetahui kekuatan Hang Tuah sebelum menyerangnya oleh pahlawan Majapahit. Namun, Hang Tuah mengetahui kemasukkan pihak musuh sebagai pengintip dan telah menghalau dari kawasan rombongan Melaka. Maka, fungsi pengintip masih berguna pada abad ke 21, lebih-lebih lagi pada zaman digital, sesebuah negara perlu peka dan dapat maklumat mengenai ancaman musuh melalui pengintipan. Selain itu, perisikan juga boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang ancaman dan membantu dalam proses membuat keputusan

3. Penggunaan Teknologi sebagai Medium Pertahanan: Pengarang karya Hikayat Hang Tuah, telah mencitrakan penggunaan senjata api dan meriam yang canggih pada abad ke 14 dan abad ke 15. Senjata seperti meriam telah diletakkan di kubu Melaka sebagai benteng pertahanan kerajaan Melaka semasa Sultan Melaka telah menabal anakandanya, Puteri Gunung Ledang sebagai Raja Melaka. Maka, penggunaan teknologi dapat meningkatkan strategi pertahanan. Penggunaan teknologi mengikut abad ke 21 iaitu penggunaan AI (teknologi kecerdasan buatan) untuk meramalkan ancaman dan menganalisis data sulit.

Maka, *Hikayat Hang Tuah* memaparkan banyak strategi pertahanan yang relevan dan dapat diterapkan pada abad ke 21. Selain daripada asas genre teks yang sama iaitu epik, pemilihan *Hikayat Hang Tuah* sebagai perbandingan dengan

*Mahabharata* juga disebabkan watak Hang Tuah itu sendiri yang memiliki jati diri unggul mewakili masyarakat Melayu di Nusantara. Aspek ini selari dengan watak utama seperti Pandava dalam *Mahabharata* yang turut memiliki ciri yang sama dalam kalangan masyarakat India zaman klasik.

*Hikayat Hang Tuah* juga dipilih berdasarkan keaslian penciptaan karya tersebut. *Hikayat Hang Tuah* bukanlah sebuah teks saduran ataupun teks yang menerima apa-apa pengaruh daripada karya luar (Kassim Ahmah, 1997: xvi). Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan *Hikayat Hang Tuah* itu merupakan suatu teks yang besar dan mempunyai kredibiliti yang tinggi untuk dibandingkan dengan epik besar daripada India. *Hikayat Hang Tuah* juga merupakan teks epik yang berasaskan peperangan dan pertahanan dalam plot penceritaannya sebagaimana epik *Mahabharata*. Kedua-dua karya besar ini telah memperlihatkan kehebatan dan kemenangan dua kerajaan tersohor pada zamannya yang seterusnya membangkitkan rasa kebanggaan yang tinggi bangsanya.

Justeru, hikayat ini telah dipilih untuk dianalisis standing dengan karya *Mahabharata* dalam kajian ini. Hal ini kerana kedua-dua karya ini memaparkan pemikiran masyarakat Melayu tradisional dan masyarakat India klasik dalam konteks era yang berbeza, tetapi relevan mengambil iktibar oleh generasi kini dan generasi akan datang.

### **1.5.2 Aspek Kajian**

Skop kajian ini terbatas kepada analisis teks yang fokus kepada peperangan, sistem pertahanan luaran iaitu strategi, senjata dan lain-lain dan sistem pertahanan dalaman iaitu setia kepada raja dan lain-lain. Malah, turut diberi perhatian mengenai

perbezaan isu perang dan penyebab kepada perang dalam karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Kedua-dua karya tersebut tergolong dalam kategori karya epik dan *Hikayat Hang Tuah* juga diiktiraf sebagai epik kebangsaan. Peristiwa mengenai Hang Tuah, sahabatnya, dan zaman Kesultanan Melayu Melaka sebelum penjajahan oleh Portugis turut terdapat dalam karya-karya lain seperti *Sulalatus Salatin* dan *Sejarah Melayu*, selain *HHT*. Oleh itu, berdasarkan kepada permasalahan kajian, karya epik juga mempunyai unsur fakta dan sejarah yang dicampur dengan mitos untuk menarik perhatian pembaca. Kajian ini merujuk kepada *HHT* dan peristiwa-peristiwa dalam karya lain yang berkaitan dengan Hang Tuah, sahabatnya, dan zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Kedua-dua karya tersebut tergolong dalam kategori karya epik dan *Hikayat Hang Tuah* juga diiktiraf sebagai epik kebangsaan. Peristiwa mengenai Hang Tuah, sahabatnya, dan zaman Kesultanan Melayu Melaka sebelum penjajahan oleh Portugis turut terdapat dalam karya-karya lain seperti *Sulalatus Salatin* dan *Sejarah Melayu*, selain *HHT*. Oleh itu, berdasarkan kepada permasalahan kajian, karya epik juga mempunyai unsur fakta dan sejarah yang dicampur dengan mitos untuk menarik perhatian pembaca. Kajian ini merujuk kepada *HHT* dan peristiwa-peristiwa dalam karya lain yang berkaitan dengan Hang Tuah, sahabatnya, dan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini kerana karya *Mahabharata* yang mengandungi peristiwa peperangan (Devdutt, 2010: xv) dan kejadian dalam karya tersebut telah dibuktikan oleh arkeologi dan sumber-sumber lain.

Selain itu, peristiwa perang dan lain-lain dalam *HHT* turut tercatat dalam karya sastera lain dan dalam konteks sejarah yang menunjukkan zaman

kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka berakhir apabila Portugis menakluk Melaka. Justeru, kedua-dua karya *HHT* dan *Mahabharata* ditunjukkan dalam konteks peristiwa peperangan dan juga pertahanan luaran serta pertahanan dalaman yang berbeza mengikut konteks masyarakat negara masing-masing berdasarkan teori Seni Perang dan *Arthashastra*.

### **1.5.3 Pemilihan Teori**

Dalam kajian ini, teori Seni Perang oleh Sun Tzu (1992, 1993, 1995, 2000 dan 2002) dan teori *Arthashastra* oleh Kautilya (1972 & 1992) telah dipilih untuk mengkaji peperangan dan sistem pertahanan bagi karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*. Terdapat teori perang klasik barat iaitu *On War*, *The Prince* dan lain-lain. Namun, pengkaji telah memilih teori perang klasik Asia iaitu Seni Perang oleh Sun Tzu dan *Arthashastra* oleh Kautilya sebagai landasan kajian. Hal ini kerana karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah* merupakan karya sastera Asia dan teori perang Asia agak sesuai untuk mengkaji berbanding dengan teori perang barat yang lebih berfokuskan kepada masyarakat barat.

Selain itu, teori Seni Perang oleh Sun Tzu dan *Arthashastra* oleh Kautilya menerangkan secara terperinci mengenai teori perang dan sistem pertahanan berlandaskan pemikiran masyarakat Asia dan mengikut geografi benua Asia. Malahan, Kautilya telah mencirikan sistem pertahanan dalaman seiring dengan sistem pertahanan luaran secara detail dalam bukunya.

## **1.5 Tinjauan Kajian Lepas**

Tinjauan kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat beberapa buah buku, tesis dan makalah yang membicarakan karya *Mahabharata* dan *Hikayat Hang Tuah*

ini daripada pelbagai sudut. Berdasarkan analisis pengkaji terhadap kajian lepas yang telah dilakukan, beberapa tema kajian seperti sosiobudaya, perubahan, dan peperangan bagi karya Mahabharata. Manakala, kajian mengenai karya Hikayat Hang Tuah telah dilakukan dari sudut struktur, sosiobudaya, dan peperangan.

Kajian cenderung ke arah sosiobudaya terhadap karya Mahabharata telah dilakukan oleh Satya P. Agarwal. Hal ini terdapat dalam buku yang bertajuk *Selections from the Mahabharata: Re-affirming Gita's Call for the Good of All* oleh Satya P. Agarwal (2002). Dalam kajian tersebut pengarang telah mengkategorikan kajiannya kepada tiga peringkat, pertama punca konflik antara Pandavar dengan Kauravar berserta dialog mengenai isu dharma. Hal ini kerana, Mahabharata terkenal dengan peristiwa-peristiwa konflik dan separuh daripada epik ini membicarakan isu dharma. Buku ini diteliti dari segi konsep agama sosial (*social religious*). Pada peringkat kedua, pengkaji telah mengkaji dialog-dialog yang memaparkan isu dharma, dan pada peringkat ketiga, pengkaji telah melakarkan pendekatan *Ten point summarization of the Gita's message* yang telah disimpulkan dari intipati Gita berdasarkan peristiwa Mahabharata. Maka, kajian ini hanya tertumpu kepada dialog-dialog berasaskan isu dharma antara watak-watak yang terdapat dalam Mahabharata yang diutuskan oleh Krishnan kepada Arjuna di medan perang.

Kemudian, Shubha Pathak (2006) dalam makalah "*Why Do Displaced Kings Become Poets in the Sanskrit Epics? Modeling Dharma in the Affirmative Ramayana and the Interrogative Mahabharata*" telah menganalisis konsep warna ataupun kasta dalam *Arthashastra* oleh Kautilya dan konsep dharma dalam karya *Ramayana* dan *Mahabharata*. Pengkaji telah meneliti peranan dan dharma warna seseorang di sebalik kisah yang terpilih dalam dua buah karya. Kisah Lava Kusa dalam *Ramayana*, yang dibesarkan di asrama Valmiki tanpa mengetahui identitinya sebagai anak raja dan



menjadi penglipur lara yang mendeklamasikan kisah ayah ibunya iaitu Rama dan Sita. Kisah kedua daripada karya Mahabharata yang dipilih oleh pengkaji adalah tentang raja Nala yang menjadi orang suruhan bertaraf rendah, suta dan fungsi keadaan tersebut berlaku dengan konsep dharma. Maka, makalah ini membandingkan dua buah karya iaitu Ramayana dan Mahabharata dengan konsep dan fungsi warna dalam Arthashastra dan juga keadilan dan kebaikan yang berlaku disebabkan dua kisah tersebut mengikut konsep dharma Hindu.

Di samping itu, Sankaran Manikutty (2012) dalam makalah “Why Should I Be Ethical? Some Answers from Mahabharata” pula telah mentafsir keperluan etika dengan teori “categorical imperatives” oleh Immanuel Kant dalam karya Mahabharata. Pengkaji telah membataskan beberapa watak dalam Mahabharata untuk mentafsir situasi dalam peristiwa-peristiwa tersebut. Watak-watak yang dipilih ialah Bhishma, Dhritarashtra, Karna dan Krishna. Hal ini kerana watak-watak tersebut dikatakan sebagai watak protagonis (baik) dan telah menempuh pelbagai rintangan dan kesusahan dalam karya Mahabharata. Pengkaji menggunakan teori “categorical imperatives” dalam merungkaikan kesusahan atau masalah yang menimpa watak disebabkan oleh perilaku mereka sendiri dan kisah hidup watak-watak terpilih tersebut diketengahkan agar boleh dijadikan pedoman hidup kepada umat manusia.

Seterusnya kajian ke atas Mahabharata yang berkaitan dengan nilai moral, khususnya konsep dharma. Emily T. Hudson (2013) telah menulis buku bertajuk *Disorienting Dharma: Ethics and the Aesthetics of Suffering in the Mahabharata* yang meneliti aspek etika dan akibatnya dalam karya Mahabharata. Aspek etika yang dimaksudkan oleh pengarang ialah dharma (prinsip) dan dukha (sengsara) berdasarkan beberapa peristiwa seperti permainan dadu ataupun judi yang menjadi

asas kepada rentetan musibah kepada watak-watak dalam Mahabharata. Dalam buku ini, pengarang telah mengaplikasi teori reader respons untuk memahami konsep dharma dan dukha dalam karya tersebut.

Selain itu, Jesse Ross Knutson (2015) dalam makalahnya bertajuk “The Mahabharata’s Infernal Paradise: On the Pre-modern Condition” juga telah mengkaji tiga konsep iaitu dharma, kala dan yoga dalam Mahabharata. Malah, pengkaji telah menganalisis peristiwa yang berlaku selepas perang kurushestra tamat dan meneliti natijah akibat peperangan tersebut. Karya Mahabharata telah dibincangkan secara ilmiah mengikut perspektif Sunga period dan Gupta period. Jadi, pengkaji hanya memberi fokus kepada peristiwa-peristiwa selepas perang berdasarkan tiga konsep, terutamanya dharma bagi menjawab persoalan kajiannya.

Kanad Sinha (2019) juga membincangkan konsep dharma dalam makalahnya yang bertajuk “Redefining Dharma in a Time of Transition: Anrsamsya in the Mahabharata as an Alternative End of Human Life”. Kajian ini yang memaparkan evolusi ataupun perkembangan idea varnadharma terutamanya ksatradharma (keperwiraan ataupun heroisme daripada ksatriya (pahlawan) dalam karya Mahabharata. Selain itu, pengarang mengkaji mengenai peristiwa-peristiwa yang menonjolkan nilai dharma dan juga evolusi ksatradharma daripada watak Duryodhana dan lain-lain lagi. Pengkaji telah mengaplikasikan konseptual anrsamsya iaitu bersimpati ataupun bertolak ansur berdasarkan peristiwa Mahabharata.

Sementara itu, kajian mengenai tema perubahan telah dikaji oleh Matthew I. Robertson (2016) dalam makalah “In a Time Gone Mad: Indic Notions of Madness and Personhood in the Mahabharata and Beyond” telah mentafsir falsafah ayurveda dalam penyembuhan kegilaan ataupun dorongan mental dalam karya Mahabharata.

Perbincangan kajian ini berlandaskan perubahan dalam karya Mahabharata. Malah pengkaji telah mengkaji ritual pengorbanan dalam karya Mahabharata yang dikaitkan dengan kegilaan materialistik tanpa menghiraukan nilai perikemanusiaan. Walaupun, pengkaji mengkaji ritual pengorbanan dan peperangan dalam Mahabharata, namun pengkaji telah mengaitkan kegilaan yang terdapat dalam karya ini dengan perubahan ayurveda sebagai solusi permasalahan tersebut.

Maka kajian mengenai tema peperangan telah dikaji oleh Nilesh Nilkanth Oak (2011) dengan kajiannya yang bertajuk *When Did The Mahabharata War Happen?: The Mystery Of Arundhati* pula telah menyelidik karya Mahabharata dengan teori astronomi berdasarkan high tech tool dalam bidang astronomi. Peristiwa peperangan dalam karya Mahabharata, misalnya perang Kurushestra telah diukur dengan teori astronomi untuk mengenal pasti tarikh sebenar perang tersebut berlangsung. Kajian ini juga tertumpu kepada salah satu peristiwa yang berlaku semasa perang Kurushestra iaitu Bisma yang terlantar di katil sebelum menemui ajal, namun tidak sesiapa pun tahu berapa hari Bisma dalam keadaan tersebut. Jadi, penulis telah menghitung keseluruhan hari Bisma di katil secara saintifik dengan teori astronomi. Pengarang hanya mengkaji peristiwa-peristiwa perang dalam karya Mahabharata dengan tujuan untuk mengetahui tarikh terperinci dengan menggunakan teori astronomi.

Dalam pada itu, kajian mengenai strategi perang dalam karya Mahabharata telah dilakukan oleh Nagarhalli Tatwadarshi Prahlad (2018) dalam tesis doktor falsafahnya “*The Mahabharata War: A Strategic Perspective and Modern Warfare in India*” pula meneliti berkenaan dengan peperangan dan sistem pertahanan luaran seperti medium serangan, jumlah tentera dan lain-lain lagi dalam Mahabharata. Kajian ini mengkaji aspek pengintipan, senjata dan strategi dalam perang